

Baca dan isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

pertandingan	memuji	gembira	penonton
memenangi	kesukanan	latihan	semangat

Pada hari Sabtu ini, pasukan hoki sekolah Aiman menyertai _____ hoki peringkat daerah. Aiman terpilih untuk mewakili sekolahnya. Sebelum pertandingan, Aiman dan rakan-rakannya menjalani _____ di bawah bimbingan Cikgu Faizal. Mereka berlatih dengan penuh _____.

Semasa hari pertandingan, ramai _____ yang hadir untuk menyaksikan perlawanan tersebut. Pasukan hoki sekolah Aiman berusaha bersungguh-sungguh untuk _____ perlawanan itu.

Pasukan hoki sekolah Aiman berjaya ke peringkat akhir dan menjuarai perlawanan itu. Mereka berasa _____. Cikgu Faizal _____ Aiman dan rakan-rakannya kerana telah bermain dengan penuh semangat _____.